

**PIPT JAWA**  
Javan Munia

FAMILI: Estrildidae  
NAMA SAINTIFIK: *Lonchura leucogastroides*

#### **CIRI-CIRI**

Spesies ini biasanya ditemui dalam kumpulan yang kecil. Individu dewasa mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap manakala dada dan perut berwarna putih. Bahagian muka, tekak, atas dada dan ekor pula berwarna hitam. Berbanding dengan individu dewasa, individu juvenil mempunyai bahagian atas badan berwarna coklat gelap, bahagian tekak dan atas dada yang kecoklatan dan terdapat jalur yang berwarna gelap pada bahagian bawah ekor. Bahagian perut pula berwarna kuning pucat. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah kira-kira 11.5 sm.

#### **MAKANAN**

Makanannya terdiri daripada biji-bijian yang boleh ditemui di padang rumput, kawasan pertanian dan hutan buluh.

#### **HABITAT**

Spesies ini boleh ditemui di hutan sekunder, belukar, taman dan juga di kawasan tanah pamah.

#### **BUNYI**

Spesies ini biasanya mengeluarkan siri bunyi *prreet*. Ia juga mengeluarkan bunyi *pi-i* dan *pee-ee-eeet* atau *tyee-ee-ee*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah antara bulan Mei hingga Oktober. Sarangnya berbentuk seperti bola dengan pintu pada bahagian tepi dan dibina di atas pokok. Individu betina boleh menghasilkan antara 4-5 biji telur semasa musim pembiakan.